


KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 11 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 03



MAYAT ketiga-tiga mangsa ditemui orang ramai selepas dihanyutkan arus di Pantai Batu Layar, Desaru, semalam.



SITI HAJJAR



UMMU SULAIN

Oleh Ibrahim Isa
ibrahim@hmetro.com.my

Kota Tinggi

Kunjungan tiga wanita bersaudara termasuk dua beradik dari Kelantan ke daerah ini berakhir tragedi apabila mereka ditemukan mati lemas di Pantai Batu Layar, Desaru di sini, semalam.

Ketiga-tiga mangsa dikenali sebagai Asiah Abdul Rahman, 41, dari Felda Chiku, Gua Musang, Ummu Sulain Mohd Rohim, 25, dari Kampung Kedai Telosan, Pasir Puteh dan Siti Hajjar Adila Mohd Rohim, 23, beralamat terakhir di rumah kakitangan Felda Chiku, ditemui lemas oleh orang ramai jam 5.30 petang.

Difahamkan, mereka dari Kelantan dan datang ke daerah ini bertemu ahli keluarga sebelum berkelah

Tiga korban arus Desaru

Mayat ditemui tiga kilometer dari lokasi dihanyutkan ombak di Pantai Batu Layar

di pantai berkenaan. Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Penawar, Mohd Fadli Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 5.35 petang sebelum sepasukan lapan anggota membabitkan satu jentera dikejarkan ke tempat kejadian.

Menurutnya, apabila tiba pihaknya mendapati ada

tiga mayat wanita dipercayai lemas ditemui orang ramai di kawasan berhampiran.

Katanya, pihaknya difahamkan mayat tiga wanita itu ditemukan tiga kilometer dari lokasi mereka lemas selepas dihanyutkan arus.

"Ketiga-tiga mangsa disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan

yang melakukan pemeriksaan sebelum mayat dihantar ke Hospital Kota Tinggi untuk bedah siasat.

"Kes diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Difahamkan ketika kejadian keadaan laut bergelora dengan ombak setinggi dua meter.

Sementara itu, Ketua



ANGGOTA penyelamat mengangkat mayat ketiga-tiga mangsa.

Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendent Ahsmon Bajah ketika dihubungi mengesahkan kejadian.

Menurutnya, pihaknya masih menjalankan siasatan dan buat masa ini, kes diklasifikasikan sebagai kematian mengejut.



ASIAH